

**PENGARUH FATWA YUSUF AL QARADAWI TERHADAP FATWA  
BERKAITAN POLITIK DEWAN SYARI'AH PUSAT PARTAI KeadILAN  
SEJAHTERA (PKS) DI INDONESIA**

**BAB I**

**PENDAHULUAN**

**1.1 Pengenalan**

Islam ialah agama yang bermaksud suatu sistem kehidupan yang mengarah kepada kesejahteraan hidup. Ia bertujuan meraih kesempurnaan hidup di dunia dan kebahagiaan hidup di akhirat. Kesempurnaannya (*Syumūl*) merangkumi aspek-aspek aqidah, akhlaq dan syari'ah. Paksinya ialah ketaqwaan yang disandarkan kepada ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah. Tuntutannya ialah bagaimana al-Qur'an dan al-Sunnah itu dapat diterjemahkan secara praktikal dalam kehidupan, kerana syari'ah Islam itu sesuai untuk dilaksanakan di setiap zaman dan tempat.<sup>1</sup>

Menjadi tuntutan kepada setiap individu muslim saat ini adalah untuk mempelajari segala warisan yang ada. Di samping itu meneliti keperluan hidup dan masyarakat sendiri, juga mencari segala kebaikan daripada sumber-sumber asing. Hal ini demikian kerana melalui bentuk pengajian seperti inilah nilai-nilai syari'ah yang terdapat dalam al-Qur'an dan al-Sunnah dapat disebatikan dengan nilai-nilai

---

<sup>1</sup> Yūsuf al-Qaradāwī (1997), *Syari'ah al-Islamiyyah Ṣāliḥah li al-Taṭbīq fī Kulli Zamān wa Makān*, Kahera: Maktabah Wahbah, h. 16

intelektual semasa dan realiti masyarakat sehingga mampu menghasilkan keaslian yang mewakili zaman.<sup>2</sup>

Islam perlu peka terhadap perubahan dan kemajuan moden dengan bersikap positif, serta mempunyai nilai-nilai yang bersesuaian dengan Islam. Dengan itu umat Islam tidak perlu takut terhadap mana-mana kemajuan dan tamadun termasuk dari barat, asalkan umat Islam tahu menilai yang mana sesuai dengan syari'ah dan mana yang bercanggah dari syari'ah.<sup>3</sup>

Inilah yang biasa disebut sebagai kajian Islam kontemporari. Pergerakan pembelajaran hukum ini terjadi kerana muamalah manusia sering mengalami perubahan dan perkembangan yang tiada habisnya. Seiring dengan perkembangan zaman, sosial budaya, ilmu pengetahuan, dan teknologi yang dialami manusia. Pergerakan dan perubahan dalam muamalah ini menuntut adanya pembelajaran hukum Islam kontemporari tentang pelbagai masalah baru dan semasa untuk menemukan, merumuskan dan menetapkan hukum Islam agar lebih realistik, mudah dihayati, dan tidak membebankan terutama dalam masalah *furū'* samaada dalam skop ibadah mahupun muamalah.<sup>4</sup>

Kehidupan moden saat ini memunculkan berbagai macam permasalahan yang tidak ada habis-habisnya, dan masih banyak lagi persoalan yang tidak terlintas oleh

---

<sup>2</sup> Mahmood Zuhdi Hj. Abd Majid (2001), *Dinamisme Pengajian Syari'ah*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, cet. 1, h. 9

<sup>3</sup> Abdul Shukor Husin (1997). *Tajdid, Diantara Politik dan Pendidikan, satu analisis ringkasan berdasarkan pencapaian Muhammad Abduh, dalam menjana keilmuan Islam*. Terbitan tak berkala 2 Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 148

<sup>4</sup> Abdul Hayie Abd Syukur, *Fiqh Semasa Mengisi Wawasan, Utusan Zaman*, 27 November 1994. Ghazali Bin Jaapar (2005), *Ijtihad Kontemporari; Satu Analisa Terhadap Keperluannya Di Dalam Menangani permasalahan Semasa Di Malaysia*, Fakulti Syari'ah Akademi Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, h. 92

para ulama terdahulu sehingga memerlukan akan adanya seorang ahli fiqh yang mahu melakukan ijtihad baru. Ijtihad baru di sini difahamkan bukanlah usaha untuk mengubah *naş-naş* yang sifatnya *muhakkamah*, atau hukum-hukum yang *qat'i*, kerana tidak ada ruang untuk berijtihad di dalamnya. Akan tetapi, ijtihad difahamkan sebagai usaha menggali beberapa hukum daripada dalil-dalil yang terperinci terhadap masalah-masalah baru sehingga sesuai dengan zaman, tempat dan keadaan.<sup>5</sup> Malah ijtihad ini diperlukan terhadap perkara baru yang timbul dan tidak pernah diputuskan oleh imam-imam mazhab terdahulu.<sup>6</sup>

Menurut Abdul Wahhāb Khalāf, ijtihad dapat dikatakan sebagai suatu usaha berfikir secara optima dalam menggali hukum Islam dari sumber aslinya (al-Qur'an dan al-Sunnah) untuk memperoleh jawaban-jawaban terhadap permasalahan-permasalahan hukum yang muncul dalam masyarakat yang belum ada ketentuan hukumnya.<sup>7</sup>

Sejak kurun waktu pertengahan abad ke tiga Hijriyah hingga abad mutaakhir, tidak ada mazhab baru selain daripada empat mazhab yang sangat terkenal di kalangan kaum muslimin. Kitab-kitab fiqh yang ditulis oleh para ulama terdahulu pada umumnya hanyalah syarahan atau perincian keterangan mengenai ketentuan-ketentuan hukum yang telah dirumuskan oleh para imam mazhab. Keadaan ini

---

<sup>5</sup> Yūsuf al-Qaradāwī (1999), *Taysīr al-Fiqh li al-Muslim al-Mu'āşir fī Daw al-Qur'ān wa al-Sunnah*, Kahera: Maktabah Wahbah, h. 100

<sup>6</sup> Amīn Ahsan Işlāhī (1970), *Islamic Law; Concept and Codification*, Lahore: Islamic Publication Ltd, h.101

<sup>7</sup> Abdul Wahhāb Khalāf (1968), *Ilm Uşūl Fiqh*, Kahera: Dar al Quwaitiyyah, h. 216

menurut Amin Aḥsan Iṣlāḥī di sebabkan oleh beberapa golongan yang menganggap ijtihad sebagai pengubah syari'ah Islam.<sup>8</sup>

Pada masa kini telah lahir beberapa ulama yang mulai membahas permasalahan baru umat Islam, salah-satunya ialah seorang tokoh pemikir Islam yang ulung iaitu Yūsuf al-Qaraḍāwī, beliau menyeru umat Islam agar kembali kepada ajaran Islam yang murni termasuklah dalam menjelaskan persoalan kontemporari. Beliau dikenali sebagai ulama yang tidak terikat pada mazhab fiqh tertentu. Semua mazhab sunni olehnya dijadikan bahan pembelajaran, bahan analisis dan bahan kajian serta perbandingan melalui proses penelitian berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah. Beliau juga dikenali sebagai ulama yang berpandangan *waṣaṭiyyah*, mampu menyelesaikan persoalan-persoalan kontroversi antara dua titik aliran yang taksub kepada pemikirannya masing-masing. Selain itu fatwa-fatwa beliau juga mudah dicerna dan diterima oleh pelbagai lapisan umat.

Karakteristik tersebut dapat dilihat dari karya beliau seperti kumpulan fatwa kontemporari dalam kitab "*Hady al-Islām Fatāwi al- Mu'āṣirah*" dan juga kitab "*al-Halāl wa al-Hāram fī al- Islām*". Kitab lain yang juga banyak dijadikan sebagai rujukan adalah *Fiqh Zakāh*, sedangkan yang berhubungkait dengan pembahasan politik beliau menulis berbagai kitab seperti "*Min Fiqh al- Dawlah fī al-Islām*", "*al-Siyāsah al-Syar'iyyah fī Daw Nuṣūṣ al-Syari'ah wa Maqāṣidihā*" dan juga kitab "*Al-Dīn wa al-Siyāsah Ta'ṣīl wa Radd Syubhah*".

---

<sup>8</sup> Amin Ahsan Iṣlāḥī (1970), *op.cit*, h. 112-113

Masih banyak lagi karya yang telah ditulis oleh beliau dan tidak hanya tertumpu pada bidang fiqh sahaja. Selain fiqh, beliau juga menulis tentang; akidah, pemikiran, muamalah, ekonomi Islam, zakat, adab, seni, dakwah dan politik. Secara tidak langsung beliau ingin menunjukkan bahawa agama Islam tidak hanya terbatas pada *Ibādah Mahḍah* sahaja, bahkan Islam itu ialah akidah dan akhlaq, ibadah dan politik, syari'ah dan muamalah, dakwah dan tarbiyah, ekonomi dan seni. Dengan kata lain tidak ada lagi ruang untuk memisahkan Islam daripada politik atau Islam daripada kehidupan.

Di Indonesia buku-buku beliau yang berhubungkait dengan fatwa dan pemikiran politik telah diterjemahkan kedalam bahasa Indonesia dan dicadangkan untuk dibaca oleh para ahli politik dan aktivis muslim, seperti buku beliau yang dicadangkan A.M Fatwa<sup>9</sup> agar dipelajari oleh ahli politik muslim iaitu kitab "*Al-Dīn wa al-Siyāsah Ta'ṣīl wa Radd Syubhah*" dalam edisi Indonesia bertajuk "Meluruskan Dikotomi Agama dan Politik, Bantahan Tuntas Terhadap Sekularisme dan Liberalisme". Buku lainnya yang banyak dijadikan rujukan adalah "*Hady al-Islām Fatāwi al- Mu'āṣirah*" Atau dalam edisi bahasa Indonesia " Fatwa-fatwa Muta'akhir", buku ini dicadangkan oleh salah satu parti Islam di Indonesia iaitu Partai Keadilan Sejahtera PKS sebagai rujukan rasmi partinya dalam menyelesaikan berbagai-bagai isu kontemporari.<sup>10</sup>

Setidak-tidaknya daripada realiti ini dapat dikatakan bahawa karya-karya al-Qaraḍāwī dalam bentuk pemikiran dan gagasan sedikitnya telah mempengaruhi

---

<sup>9</sup> Bekas Timbalan Majelis Permusyawaratan Rakyat MPR Republik Indonesia priode 2004-2009.

<sup>10</sup> Keputusan Mesyuarat Anggota Dewan Syuro PKS bertempat di Yayasan Darul Hikmah Jakarta Pada tarikh 13 Ogos 2003.

pergerakan Islam di Indonesia, apalagi puluhan buku beliau telah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia. Sebahagiannya telah menjadi mata pelajaran wajib di beberapa universiti Islam. Hal ini sesuai dengan apa yang dikatakan Azumardi Azra bahawa merupakan kekeliruan besar dan amat salah jika dikatakan tradisi Islam di Nusantara tidak mempunyai hubungkait dengan ulama Islam di Timur Tengah.<sup>11</sup>

Sehingga dari beberapa fakta tersebut, penulis memandang sudah menjadi keperluan bagi ahli akademik untuk menganalisis dan mengungkapkan sejauh mana pengaruh pemikiran dan fatwa-fatwa al-Qaradāwī di Indonesia. Untuk itu dalam kajian ini, penulis akan mencuba menganalisis sejauh mana pengaruh tersebut khususnya terhadap fatwa politik Dewan Syari'ah Pusat PKS, penulis menilai bahawa lembaga syari'ah PKS ini banyak mengambil dan merujuk pemikiran beliau dengan anggapan bahawa sebagai parti Islam dan menjadikan Islam sebagai dasar ideologi perjuangannya, tentunya PKS berasa perlu mencari rujukan dan gagasan politik Islam agar perjuangannya tidak bercanggah dari syari'ah Islam.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Semangat pemikiran dan gerakan politik Islam di Indonesia saat ini memiliki hubungan yang kuat dengan pemikiran dan gerakan politik di dunia Islam khususnya Timur Tengah. Menurut M. Amien Rais hal ini disebabkan oleh tiga faktor;

---

<sup>11</sup> Azumardi Azra (1998), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan kepulauan Nusantara abad ke 17-18*, Bandung: Mizan, h.16

Pertama; Semasa Indonesia dipimpin oleh rejim Orde Baru, potensi umat Islam yang besar untuk bergerak di bidang politik tidak dapat dimanfaatkan. Kewujudan dua organisasi umat Islam terbesar di Indonesia seperti Nahdlatul Ulama (NU) dan Muhammadiyah justeru tidak dijadikan sebahagian besar umat Islam sebagai wadah mewujudkan gerakan politik umat Islam. Hal ini demikian kerana adanya realiti bahawa dua organisasi ini bukanlah parti politik, tetapi hanyalah organisasi sosial masyarakat. Sementara Partai Persatuan Pembangunan (PPP) yang ditubuhkan oleh pemerintah Orde Baru untuk menggabungkan parti-parti Islam sejak tahun 1973 ternyata tidak dapat memainkan peranannya dalam menyatukan umat Islam dalam gerakan politik.

Kedua; Ketika aspirasi politik umat Islam semakin besar, ada keperluan yang besar pula untuk menemukan bentuk gerakan politik Islam pada rujukan-rujukan tertentu. Selanjutnya, pemikiran politik yang datang dari dunia luar sangat mudah berfungsi sebagai rujukan yang membentuk gerakan politik Islam di Indonesia, sebagaimana terjadinya proses "Islamisasi" sosiobudaya khususnya di bandar-bandar besar pada awal-awal 1980, dengan tumbuh suburnya perkembangan dakwah di pejabat-pejabat, industri perniagaan, dan di kampus-kampus. Situasi seperti inilah yang menjadi kemudahan untuk penyebaran pemikiran politik Islam khususnya dari Timur Tengah.

Ketiga; Usaha mencari rujukan gerakan politik kearah pemikiran yang berkembang di dunia Islam itu semakin disokong oleh keadaan dalam negeri yang sangat genting di bawah kekuasaan pemerintah Orde Baru yang sangat represif. Jika dilihat situasi politik di era 1966-1998, hubungan sesetengah umat Islam dengan

pemerintah renggang.<sup>12</sup> Bahkan timbul bantahan yang diwarnai oleh pertembungan yang menyebabkan hampir semua kumpulan dalam Islam mengalami persaingan di negara mereka sendiri.

Tiga faktor ini kemudiannya membentuk sebuah percantuman yang mengukuhkan pemerhatian yang besar terhadap politik Islam di Indonesia dan juga gerakan Islam di Timur Tengah atau dunia Islam pada umumnya. Ini dapat difahami dari apa yang dikatakan oleh M. Amien Rais bahawa tanpa mengelakkannya, wujud persekitaran yang memudahkan untuk memahami pemikiran gerakan Islam di Timur Tengah dan memperoleh persemaiaan subur di Indonesia. Hal ini dibuktikan dengan kemunculan buku-buku Sayyid Quṭb dan Hasan al-Banna pada era 80an yang telah diterjemahkan kedalam bahasa Indonesia dan beredar luas dalam kalangan pelajar Universiti.<sup>13</sup>

Langkah ini jelas amat mempercepatkan pemindahan pemikiran kebangkitan Islam dari Timur Tengah kepada masyarakat Islam di Indonesia. Program penerbitan buku ini lebih pesat lagi perkembangannya apabila mendapat tajaan dan kerjasama dari IIFSO (*International Islamic Federation of Student Organization*) yang berpusat

---

<sup>12</sup> Menurut kajian LIPI (Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia) di tahun 2002, bahawasanya kebijakan Orde Baru terhadap Islam sepanjang kekuasaannya memiliki dua *Trend* besar yang berlawanan secara diametral, iaitu: Dimulai tahun 60-an hingga 70-an dinamakan Deideologisasi Islam dan pada tahun 80-an hingga 80-an dinamakan Ideologisasi Islam. Deideologisasi Islam difahamkan sebagai sebuah persepsi yang menganggap Islam sebagai potensi ancaman terhadap stabilitas sosial-politik Orde Baru dalam pembangunan. Sedangkan Ideologisasi Islam difahamkan sebagai kebalikan daripada sikap sebelumnya, iaitu upaya yang dilakukan pemerintah Orde Baru untuk mengakomodatif terhadap aspirasi umat Islam. Lihat Yusuf Pati, Miftah, H. (2007), *HM Soeharto Membangun citra Islam*, Jakarta: Asiamark, cet.2. Lihat pula Al-Habib Muhammad Rizieq bin Husein Syihab. (2007) *Pengaruh Pancasila Terhadap Penerapan Syariah Islam di Indonesia*, Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 92-99.

<sup>13</sup> M. Amien Rais (1984), *Gerakan-gerakan Islam Internasional dan pengaruhnya bagi gerakan Islam Indonesia*, Jakarta: Prisma, Edisi Ekstra, h. 38-39.



di Riyadh Arab Saudi.<sup>14</sup>

Pemindahan pemikiran dari Timur Tengah diperkukuh lagi dengan keperluan akan adanya panduan syari'ah yang berhubungkait dengan isu sekitar perpolitikan. Menjadi penting bagi sebuah parti Islam seperti PKS untuk memiliki panduan dalam menentukan hukum berbagai persoalan yang baru dan asing. PKS mesti mempunyai pedoman dalam berfatwa yang dapat melahirkan satu rumusan terbaik dan tidak bercanggah dari hukum syari'ah. Lebih-lebih lagi pembahasan ini menuntut agar nilai-nilai syari'ah dapat disebatikan dengan isu-isu semasa sehingga perlu pendekatan khusus yang dapat diterima.

Jauh sebelum tertubuhnya Dewan Syari'ah PKS, sebenarnya telah ada beberapa lembaga fatwa besar di Indonesia, iaitu Majlis Ulama Indonesia (MUI). Namun dalam perjalanannya MUI lebih tertumpu pada pengeluaran fatwa di bidang ibadah, muamalah, kekeluargaan, akidah dan masyarakat, dan jarang sekali mengeluarkan fatwa yang berkaitan tentang politik.<sup>15</sup>

Oleh sebab itulah PKS mendirikan lembaga yang berfungsi memantau setiap kebijakan politik PKS agar tidak keluar dari jalur syari'ah. Lembaga ini dinamakan Dewan Syariah Pusat (DSP). Dewan Syari'ah bertugas mengawal setiap aktiviti yang dilakukan parti dan pengikutnya. Dengan demikian seluruh aktiviti politik dan

---

<sup>14</sup> Martin van Bruinessen, "Post-Suharto Muslim Engagements with Civil Society and Democracy", paper presented at the Third International Conference and Workshop "Indonesia in Transition", organised by the KNAW and Labsosio, Universitas Indonesia, August 24-28, 2003. Universitas Indonesia, Depok.

<sup>15</sup> M. Hasbi Umar (2002), *Pembaharuan Hukum Islam di Indonesia, Analisis Terhadap Illat Hukum dalam Fatwa-Fatwa Majlis Ulama Indonesia Jambi*, Tesis Ph.d, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam University Malaya, Kuala Lumpur.

kebijakan langkah PKS mendapat kawalan dari para ulama yang duduk di Dewan Syari'ah, dan diharapkan semua aktiviti parti sesuai dengan nilai-nilai Islam dan tidak keluar dari panduan syari'ah.<sup>16</sup>

Di dalam menentukan fatwa yang berhubungkait dengan persoalan politik, DSP banyak memanfaatkan metode fiqh al-Qaraḍāwī dan menyerap fatwa-fatwanya, antaranya dalam pembahasan parti politik dalam perspektif Islam, hukum wanita menjadi pemimpin negara, persoalan keterlibatan wanita dalam parlimen, non muslim menjadi ahli parlimen yang dicalunkan oleh parti Islam, konsep demokrasi dalam Islam, pandangan Islam tentang oposisi (peran parti pembangkang), bergabung dengan pemerintahan bukan Islam (*coalition and alliance*).

Atas dasar pemikiran dan latar belakang inilah, penulis tertarik untuk mengkaji lebih dalam tentang peranan ulama Timur Tengah dalam memindahkan pemikiran-pemikirannya ke Indonesia, penulis memilih al-Qaraḍāwī sebagai salah satu ulama yang dimaksud. Dalam hal ini penulis akan mengkhususkan kajian pada pengaruh fatwa al-Qaraḍāwī terhadap fatwa politik DSP PKS. Kajian ini pula akan mengungkapkan faktor penyebab keterpengaruhan fatwa al-Qaraḍāwī terhadap DSP PKS.

---

<sup>16</sup> Dewan Syari'ah Pusat Partai Keadilan Sejahtera (1426H), *Fatwa-fatwa Dewan Syari'ah Pusat Partai Keadilan Sejahtera*. Jakarta., h.xv

### 1.3 Masalah Kajian

Berdasarkan latar belakang ini, maka perlu adanya sebuah kajian ilmiah dan penyelidikan akademik tentang pengaruh fatwa al-Qaraḍāwī terhadap fatwa politik Dewan Syari'ah Pusat PKS di Indonesia. Hal ini dimaksudkan untuk mencari tahu alasan-alasan DSP PKS memanfaatkan fatwa al-Qaraḍāwī terutama dalam fatwa politik.

Apakah metode fatwa yang digunakan DSP menggunakan metode yang telah digunakan oleh al-Qaraḍāwī, dan apakah hasil fatwa DSP terpengaruh oleh hasil fatwa al-Qaraḍāwī, dan apa faktor penyebab DSP terpengaruh oleh metode fatwa al-Qaraḍāwī, sehingga DSP menjadikan beliau sebagai rujukan dan mencadangkan para ahli PKS untuk merujuk kepada beliau.

Persoalan di atas menjadi menarik, kerana jauh sebelum berdirinya Dewan Syari'ah Pusat PKS, di Indonesia telah wujud beberapa institusi fatwa yang masing-masing dimiliki oleh NGO besar di Indonesia. Seperti lembaga fatwa Nahdlatul Ulama (NU) dengan nama Bahsul Masa'il, Muhammadiyah dengan nama Majelis Tarjih. Dan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh setiap NGO tersebut dengan sendirinya akan diikuti oleh setiap ahli NGO tersebut.<sup>17</sup> Namun kenyataan tersebut berbeza jauh dengan pendiri PKS dan ulama DSP, meskipun di antara mereka ada yang berasal dari organisasi NU dan Muhammadiyah, sebahagian lagi berlatar belakang pendidikan dari beberapa Universiti di Arab Saudi seperti Universiti Islam Madinah, Universiti Ummu al-Quro, dan Universiti Ibnu Sa'ud yang mana fahaman

---

<sup>17</sup> Jaih Mubarak (2002), *Metodologi Ijtihad Hukum Islam*, Yogyakarta, UII Press, h 184

salafi dan wahabi sangat mendominasi dan mempengaruhi Universiti tersebut. Akan tetapi fatwa-fatwa politik DSP justeru lebih banyak terpengaruh oleh fatwa al-Qaraḍāwī.

Kajian ini menjadi lebih menarik, kerana fatwa yang dikeluarkan oleh mufti atau mana-mana lembaga fatwa di suatu negeri boleh menjadi tidak sesuai untuk diterapkan di negri lain, kerana fatwa tersebut mengikut keadaan masyarakat tempat mufti itu memberikan fatwa, namun dalam kajian ini akan ditemukan adanya beberapa persamaan fatwa al-Qaraḍāwī dan fatwa DSP PKS dan keterpengaruhan yang kuat khususnya dalam persoalan politik. Padahal kedua-duanya hidup di negara yang berlainan, dengan jumlah penduduk yang tidak sama, masalah dan isu yang beragam, dan masyarakat yang mempunyai kebudayaan dan kebiasaan yang berbeza.

Padahal menurut pandangan ulama, perubahan masa dan tempat ini menuntut perubahan sesuatu hukum yang dilakukan oleh seorang mujtahid. Ini juga bermakna bahawa sesuatu hukum itu tidak boleh dilaksanakan di semua tempat dengan satu bentuk yang sama, kerana wujudnya perbezaan keadaan adat yang perlu dipertimbangkan.<sup>18</sup>

---

<sup>18</sup> Muhammad Hisyām al-Ayyūbī (t.t), *al-Ijtihād wa Muqtaḍayāt al-‘Aṣr*, Jordan: Dār al-Fikr, h. 221

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini akan menganalisis beberapa hal:

1. Menjelaskan pendekatan fatwa politik al-Qaraḍāwī
2. Mengenalpasti pendekatan fatwa politik DSP PKS
3. Mengenalpasti fatwa-fatwa politik DSP PKS yang terpengaruh fatwa politik al-Qaraḍāwī.
4. Menganalisis faktor-faktor yang mendorong pengaruh fatwa politik al-Qaraḍāwī terhadap fatwa politik Dewan Syari'ah Pusat PKS.

#### **1.5 Kepentingan Kajian**

1. Penulis melihat kajian tentang konsep politik dalam perspektif Islam harus selalu dikaji, mengikuti perkembangan zaman, situasi dan keadaan semasa (*Fiqh al-Wāqi'*). Dengan itu perlulah diperbanyakkan pembacaan, penghayatan, percubaan, menganalisa, membuat perbandingan, turun kegelanggang menghadapi masalah masyarakat, menyelami selok belok.
2. Kajian ini mengungkapkan kuatnya pengaruh ulama Timur Tengah secara umum, dan khususnya pemikiran politik al-Qaraḍāwī terhadap gerakan politik Islam di Indonesia.
3. Kajian ini sangat penting bagi aktivis politik Islam dan ahli PKS untuk memahami landasan syari'ah yang berkaitan dengan *al-Siyāsah al-Syar'iyah* dan fatwa-fatwa politik khususnya yang dikeluarkan oleh Dewan Syariah Pusat PKS. Sehingga mudah dalam menyampaikan hujjah kepada umat

tentang konsep politik Islam.

4. Hasil kajian ini boleh dimanfaatkan oleh parti-parti Islam di Indonesia mahupun di Malaysia untuk meninjau kembali landasan (*Mabda'*) kebijakan dan agenda politik parti yang sedia ada, dan selanjutnya menggunakan fatwa-fatwa politik Dewan Syari'ah Pusat PKS yang telah teruji ini.
5. Hasil kajian ini boleh dimanfaatkan oleh Dewan Syari'ah Pusat PKS untuk menilai kembali fatwa-fatwa politiknya. Sehingga dapat bersesuaian dengan konsep Islam dan perkembangan zaman.
6. Kajian ini penting sebagai sumbangan kepada ilmu pengetahuan, khususnya para pelajar dan mahasiswa yang mendalami ilmu syari'ah.

## 1.6 Skop Kajian

Al-Qaradāwī ialah tokoh yang pemikiran dan fatwa-fatwanya telah menjadi objek kajian para sarjana. Namun daripada kajian-kajian tersebut, penulis hanya memfokuskan kajian tesis ini pada fatwa beliau terutama yang berhubungkait dengan fatwa politik beliau yang terdapat dalam buku-buku beliau seperti "*Min Fiqh al-Dawlah fī al-Islām*", "*al-Siyāsah al-Syar'iyyah fī Daw Nuṣūṣ al-Syarī'ah wa Maqāṣidihā*" dan juga kitab "*Al-Dīn wa al-Siyāsah Ta'ṣīl wa Radd Syubhah*", penulis juga membahas biografi beliau secara ringkas seperti latar belakang keluarga, pendidikan, masyarakat dan lingkungannya dari buku "*Ibn al-Qaryah wa al-Kuttāb malāmih sīrah wa masīrah*". Kemudian penulis juga membahas secara ringkas kaedah fiqh al-Qaradāwī dari buku "*Fatwa baina al-inḍibāt wa al-Tasayyub*". "*Hady al-Islām fī Fatāwi al-Mu'āṣirah*" dan buku "*al-Qaradāwī faqīhan*" agar maksud kajian ini memiliki landasan yang kuat dan halatuju yang jelas.

Partai Keadilan Sejahtera merupakan suatu perhimpunan yang sangat luas, mempunyai pentadbiran di peringkat pusat iaitu Dewan Pengurus Pusat DPP dan di peringkat daerah meliputi Dewan Pengurus Wilayah DPW peringkat negeri, Dewan Pimpinan Daerah DPD peringkat Kabupaten (*regency*), Dewan Pimpinan Cabang DPC peringkat (*sub-district*), Dewan Pimpinan Ranting DPRa di peringkat kelurahan (*village*), dan Pusan Informasi Partai PIP PKS untuk perwakilan di luar Negara. Di atas DPP terdapat Majlis Syuro Partai, Majlis Pertimbangan Partai dan Dewan Syari'ah Partai. Dalam kajian ini penulis hanya menumpukan pembahasan pada salah satu struktur parti iaitu Dewan Syari'ah Pusat (DSP).

Untuk membentuk pemahaman yang kukuh tentang DSP, penulis akan sedikit mengulas tentang pengurusan DSP dan latar belakang para anggotanya. Setelah itu penulis lebih banyak memfokuskan pada fatwa-fatwa yang telah mereka keluarkan. Dan di antara banyak fatwa yang dikeluarkan DSP seperti fatwa tentang fiqh ibadah, fiqh muamalah, fiqh kontemporari, dan fiqh politik, penulis hanya memilih fatwa-fatwa yang berhubungkait dengan fatwa politik sahaja. Penulis hanya mengambil fatwa-fatwa DSP yang berkaitan dengan politik dari kumpulan fatwa DSP yang sudah disusun menjadi sebuah buku yang bertajuk: "*Fatwa-Fatwa Dewan Syari'ah Pusat Partai Keadilan Sejahtera*" diterbitkan pada tahun 2005. Buku "*Fatwa Jihad Siyasi Dewan Syari'ah Pusat Partai Keadilan Sejahtera*" diterbitkan pada tahun 2004. Buku "*Fatwa, Bayan dan Tazkirah Dewan Syari'ah Pusat PKS*" diterbitkan pada tahun 2010.

Setelah penulis menghadkan pembahasan pada fatwa politik al-Qaradāwī dan fatwa politik DSP, penulis akan menganalisis pengaruh di antara keduanya, lalu

penulis menganalisis sejauh mana ukuran pengaruh, setelah itu mencari faktor-faktor yang menyebabkan pengaruh tersebut.

## 1.7 Kajian Terdahulu

Sebelum membuat kajian ini, penulis telah membaca dan meneliti sumber-sumber sama ada kertas projek, disertai, tesis, jurnal, dan karya ilmiah yang lain. Dengan membaca dan meneliti sumber-sumber tersebut maka penulis memperoleh pengetahuan yang berkaitan dengan masalah yang hendak dikaji oleh penulis. Walau bagaimanapun telah banyak kajian terdahulu yang membahas permasalahan ini, tetapi tidak satupun kajian yang sama dengan permasalahan yang dikaji oleh penulis.

Supaya sistematis, sub kajian terdahulu ini telah dibahagi oleh penulis kepada tiga bahagian;

- i. Yūsuf al-Qaraḍāwī dan fatwa-fatwanya.
- ii. Partai Keadilan Sejahtera PKS, pandangan dan fatwa berkaitan politik Islam.
- iii. Wacana Politik Islam.

Antara kajian yang membahas tentang al-Qaraḍāwī ialah: *al-Qaraḍāwī Faqīhan*.<sup>19</sup> Buku ini ditulis oleh setiausaha pribadinya Iṣām Talīmah. Pada awal pembahasan, beliau menulis tentang biografi ringkas dan kemahiran al-Qaraḍāwī sehingga beliau layak disebut sebagai seorang faqih. Kemudian beliau menulis tentang ciri-ciri fiqh al-Qaraḍāwī iaitu; pertama beliau menguatkan pendapat-

---

<sup>19</sup> Iṣām Talīmah (1991), *al-Qaraḍāwī Faqīhan*, Kaherah: Dār al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islāmy.



pendapat al-Qaraḍāwī dengan al-Qur'an, al-Sunnah, perkataan para sahabat, para tabi'in, dan para salaf. Langkah yang kedua adalah, beliau mengungkapkan perkataan-perkataan al-Qaraḍāwī tentang ciri-ciri yang ada, dan menerangkan secara teori dari apa yang beliau katakan. Langkah ketiga, ia mengambil contoh-contoh amalan fatwa al-Qaraḍāwī dan pendapat-pendapatnya yang menunjukkan kematangan beliau dalam bidang ini dan kemampuannya yang luar biasa.

Kadang-kadang penjelasan beliau tidak terlalu terinci dan mendalam, ini mungkin disebabkan kerana beliau menganggapnya sudah tidak memerlukan perincian yang mendalam, atau keadaan yang tidak memungkinkan untuk membahasnya secara mendalam. Dalam keadaan ini, penulis buku ini juga mencuba menyempurnakan apa yang dikatakan oleh al-Qaraḍāwī terutama pada masalah-masalah yang membuat kontroversi di kalangan umat, atau bahkan tuduhan dan syubhat.

Buku ini termasuk rujukan utama dalam penulisan tesis ini, kerana pembahasannya banyak menganalisis kaedah fiqh al-Qaraḍāwī dalam berfatwa. Namun pembahasannya baru bersifat umum, dan tidak menjelaskan pendekatan fiqh al-Qaraḍāwī secara khusus dalam fatwa berkaitan politik. Oleh yang demikian, pengkaji ingin melanjutkan pembahasan buku ini dengan menganalisis fatwa al-Qaraḍāwī secara khusus, iaitu membahas pendekatan fiqh al-Qaraḍāwī dengan persoalan politik.

*Metode Ijtihad Yūsuf al-Qaraḍāwī dalam Masalah-Masalah Kontemporari*<sup>20</sup> Tesis Doktor ini membahas tentang metode ijtihad al-Qaraḍāwī dalam masalah-masalah kontemporari. Kajian ini mendapati bahawa dalam berijtihad, al-Qaraḍāwī menggunakan dua cara, iaitu; *Ijtihād Intiqā'i* (ijtihad komparatif kolektif), *Ijtihād Insyā'i* (ijtihad konstruktif inovatif). *Ijtihad Intiqā'i* difahamkan sebagai usaha melakukan perbandingan (*muqāranah*) antara pendapat-pendapat yang berbeza dari para ulama pelbagai mazhab, lalu memilih pendapat yang terkuat di antara pelbagai pendapat tersebut (*tarjīh*). Sementara *Ijtihād Insyā'i* difahamkan sebagai bentuk ijtihad seorang mujtahid yang tidak terikat pada mazhab tertentu. Kemudian konsep ini dikembangkan lagi oleh al-Qaraḍāwī dengan mengatakan bahawa ijtihad seorang mujtahid dalam menetapkan hukum suatu masalah baru yang belum pernah dibahas oleh ulama-ulama terdahulu, atau masalah-masalah lama yang diperbaharui oleh pendapat seorang mujtahid yang mana para ulama terdahulu belum membahasnya. Dalam hal ini mujtahid tidak terikat dengan metode ijtihad imam mazhab tertentu dan tidak pula dengan hasil ijtihadnya.

Dalam membahas persoalan kontemporari, kadang-kadang al-Qaraḍāwī menggunakan metode *Ijtihād Intiqā'i* bila persoalan tersebut telah dibahas oleh ulama terdahulu. Hal ini dilakukan ketika suatu masalah tidak ada *naṣ* khusus yang mengatur ketetapan hukumnya, maka diambilah pendapat para ulama terdahulu yang dianggap *preseden*. Namun jika masalahnya adalah masalah baru, atau masalah lama tetapi ia mempunyai pendapat baru, maka ia melakukan *Ijtihād Insyā'i*.

---

<sup>20</sup> Muchlis Bahar (2001), *Metode Ijtihad Yūsuf al-Qaraḍāwī dalam Masalah-Masalah Kontemporari*, Program Pasca Sarjana IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta.

Secara keseluruhan, kajian ini banyak membantu penulis terutama dalam memahami bentuk pemikiran al-Qaraḍāwī melalui buku-bukunya. Kemudian pemikiran beliau dibandingkan dengan para mujtahid masa lalu dengan menggunakan pendekatan epistemologi Islam. Tesis ini pula berusaha meneliti pemikiran al-Qaraḍāwī disertai analisis yang kritis. Hanya saja, pemikiran dan fatwa yang dijadikan contoh oleh pengkaji tesis ini hanya berkisar pada permasalahan ibadah dan muamalah, tanpa menyentuh isu politik. Sehingga dalam kajian ini penulis akan melanjutkan usaha lebih mendalam kepada pemikiran politik beliau. Inilah yang membezakan antara tesis ini dengan kajian yang sedang dibahas oleh penulis.

***Konsep Negara Islam Mengikuti Pemikiran Yūsuf al-Qaraḍāwī dalam Bukunya Min Fiqh al-Dawlah.***<sup>21</sup> Kajian ini membahas tentang konsep negara Islam dan persoalan kontemporari yang berhubungkait dengan politik Islam mengikut pemikiran al-Qaraḍāwī.

Dalam kajian ini penulis mencuba memaparkan pemikiran al-Qaraḍāwī terutama dalam pembahasan negara Islam. Meskipun sudah ramai ulama yang menulis tentang konsep negara Islam baik ulama klasik atau ulama zaman ini, seperti al-Mawardi dengan kitabnya *Ahkām al-Sulṭāniyyah*, dan juga al-Maudūdi. Tapi penulis lebih memilih al-Qaraḍāwī dalam kajian ini. Hal ini berdasarkan beberapa alasan penulis, antaranya adalah disebabkan kerana kaedah al-Qaraḍāwī dalam berfatwa boleh digunapakai dalam menjelaskan hukum terhadap persoalan semasa.

---

<sup>21</sup> Azizan bin Feair (2003), *Konsep Negara Islam Mengikuti Pemikiran Yūsuf al-Qaraḍāwī dalam Bukunya min Fiqh al-Daulah*, Jabatan siyasaḥ syar'iiyyah Fakulti Syari'ah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Selain daripada itu, beliau juga telah menampilkan wajah *fiqh dawlah* yang dikenali dengan istilah ” *al-Waṣaṭiyyah al-Islām*” yang berhikmah dan menggabungkan antara yang *salaf* dengan yang *khalaf*, membandingkan antara yang tetap dengan yang berubah, Islam yang memuliakan akal, memperbaharui pemikiran dan membuat pendekatan dengan arus kemodenan dan menyaringnya antara yang bermanfaat dengan yang tercela.

Kajian ini hanya menyentuh permasalahan umum sahaja dan terhad pada apa yang ada dalam buku *Min Fiqh al-Dawlah*, dan tidak menganalisis isu-isu lebih dalam yang masih tersebar pada buku al-Qaraḍāwī lainnya. Maka tesis ini akan mencuba melanjutkan buku tersebut dengan menganalisis isu-isu lebih dalam lagi yang terdapat pada buku al-Qaraḍāwī lainnya.

Dari kajian ini, penulis mendapatkan gambaran tentang pandangan al-Qaraḍāwī terutama tentang konsep negara Islam, ciri-ciri negara Islam, tabiat negara Islam yang bukan merupakan negara teokrasi, dan lain-lain.

***Analisis Fiqh al-Wāqi’ Menurut Syeikh Yūsuf al-Qaraḍāwī melalui Buku min Fiqh al-Dawlah fī al-Islām.***<sup>22</sup> Kajian ini mencuba menganalisis suatu bidang ilmu yang masih jarang dibahas oleh ulama, iaitu *Fiqh al-Wāqi’*, dan pembahasan inilah yang sedang diperkenalkan oleh al-Qaraḍāwī, seperti dalam buku-bukunya *Fiqh al-Muwāzanah*, *Fiqh al-Aulāwiyyāt*, *Fiqh al- Taghyīr*, *Fiqh al-Maqāṣid al-Syari’ah*, dan *Fiqh al-Ikhtilāf*.

---

<sup>22</sup>Abdul Halim Daud (2004), *Analisis Fiqh al-Wāqi’ Menurut Syeikh Yūsuf al-Qaraḍāwī melalui Buku min Fiqh al-Dawlah fī al-Islām*, Jabatan siyasah syar’iyyah Fakulti Syari’ah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Menurut penulis, umat saat ini telah mengabaikan suatu khazanah Islam yang sangat mahal yang sedang diperlukan pada masa sekarang. Iaitu *Fiqh al-Dawlah* atau disiplin ilmu yang menjelaskan prinsip-prinsip Islam dalam hal politik. Disebabkan oleh perkembangan dunia Islam yang semakin hari semakin meluas dan banyak perkara-perkara baru yang belum sempat dibahas oleh ulama dulu atau perkara yang belum terjadi pada masa lalu dan tidak terpikir oleh mereka, kemudian memaksa umat Islam saat ini untuk menyelesaikannya supaya menjaga kemaslahatan umat.

Atas dasar inilah penulis mencuba menganalisis isu-isu berkaitan politik yang muncul pada masa sekarang dengan menggunakan *Fiqh al-Wāqi'*. Dalam hal ini penulis menjadikan Fatwa al-Qaraḍāwī di dalam buku *Min Fiqh al-Dawlah* sebagai contoh penelitian penulis.

Pengkaji sangat terbantu dengan adanya kajian ini, sebab di antara yang dijadikan pembahasan oleh penulis adalah fatwa-fatwa politik al-Qaraḍāwī yang sama dengan pembahasan penulis. Hanya saja pengkaji mencuba menghubungkan fatwa-fatwa al-Qaraḍāwī dan pengaruhnya terhadap fatwa politik DSP PKS.

Adapun kajian yang berkaitan dengan Partai Keadilan Sejahtera antaranya; ***Fenomena Partai Keadilan Transformasi 20 tahun Gerakan Tarbiyah di Indonesia.***<sup>23</sup> Buku ini membahas tentang kemunculan gerakan dakwah kampus pada era 80an dan perkembangannya pada era 90an hingga akhirnya berdirinya Partai Keadilan, buku ini mencuba menghubungkan antara Partai Keadilan dengan gerakan Ikhwān al-Muslimūn di Mesir melauai pemikiran, kaedah, dan sistem gerakan. Fokus

---

<sup>23</sup> Ali Said Damanik (2002), Jakarta: Teraju

kajian ini hanya membahas tentang perkembangan PKS bermula dari gerakan dakwah kampus hingga menjadi sebuah parti politik.

Kajian ini sangat membantu penulis dalam mengkaji sejarah PKS dan mengetahui hubungan Partai Keadilan Sejahtera dengan gerakan Ikhwān al-Muslimūn yang akan dibahas pada bab ketiga dan keempat nanti.

*”Pengaruh dan Pelaksanaan Pemikiran Politik Islam al-Ikhwān al-Muslimūn terhadap Partai Keadilan Sejahtera PKS Propinsi Riau Indonesia”*.<sup>24</sup>

Tesis ini cuba untuk menganalisis hubungan Partai Keadilan Sejahtera dengan gerakan Ikhwān al-Muslimūn. Pada awal pembahasannya penulis mengenalkan ciri-ciri dakwah ikhwan dalam bentuk kegiatan dakwahnya, kemudian penulis mengenalkan ciri-ciri dakwah PKS dan bentuk kegiatan dakwahnya.

Penulis terlebih dahulu menghuraikan pemikiran Ikhwān al-Muslimūn (IM) dalam beberapa aspek, seperti: Islam dan politik, negara Islam, demokrasi, khilāfah dan gerakan Islam. Selanjutnya penulis mengenalkan tentang jati diri PKS, bermula dari sejarah dan latar belakang penubuhannya, program-programnya dan visi misinya. Pada akhirnya, penulis menganalisis pengaruh pelaksanaan pemikiran politik Islam IM terhadap PKS.

Kajian ini mendapati pelbagai pemikiran, doktrin dan aktiviti IM yang diambil atau digunakan oleh PKS, tetapi masih wujud perbezaan disebabkan oleh keadaan, tempat, dan zaman yang tidak sama. Kesimpulannya, penulis mengatakan

---

<sup>24</sup> Safian Azhari (2006), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia UKM, Bangi.

bahawa PKS tidak memiliki hubungan terhadap Ikhwān al-Muslimūn secara struktural, akan tetapi PKS hanya terpengaruh dan terkesan dengan metode dakwah ikhwān dan dijadikan sebuah kegiatan parti ini. Tesis ini sangat membantu penulis dalam menjelaskan hubungan PKS dengan gerakan Ikhwān al-Muslimūn. Dan akan menjadi analisis sejarah yang akan dibahas dalam bab keempat.

*Pengaruh Pemikiran Hasan al-Banna dan Muhammad Natsir terhadap Politik Islam di Indonesia; Kajian Perbandingan*<sup>25</sup>. Penulis memilih Hasan al-Banna dan Muhammad Natsir dalam kajian ini kerana kedua-duanya merupakan tokoh terkemuka pada abad ke dua puluh. Hasan al-Banna adalah pendiri Ikhwān al-Muslimūn telah banyak memberikan pengaruh terhadap gerakan Islam khususnya Indonesia, Muhammad Natsir sebagai ketua Masyumi dan pengasas Dewan Dakwah Islam Indonesia (DDII) juga telah banyak memberikan sentuhan baru dalam politik Islam Indonesia.

Dalam kajian ini, penulis menemukan beberapa persamaan antara kedua-dua tokoh tersebut, iaitu tentang pemikiran politik Islam, penegakan syari'ah Islam, dan pendidikan politik. Bagi mereka agama tidak boleh dipisahkan daripada politik.

Kemudian penulis melanjutkan bahawa daripada buah pikiran kedua-dua tokoh besar ini, muncullah dua parti politik Islam sejurus setelah runtuhnya Orde Baru, iaitu Partai Keadilan (PK) dan Partai Bulan Bintang (PBB) yang terinspirasi dari pemikiran kedua-dua tokoh politik Islam Hasan al-Banna dan Muhammad

---

<sup>25</sup> Abdur Razzaq (2009), Tesis Ph.d Jabatan Akidah dan Pemikiran, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Natsir.

Penulis mengungkapkan terdapat beberapa perbezaan secara praktikal, kerana dipengaruhi oleh keadaan yang berbeza, seperti perbezaan pemikiran tentang pelaksanaan syari'ah Islam. Tesis ini sangat bermanfaat, kerana penulis dapat mengetahui tentang asal-muasal PKS, dan ini akan menjadi data yang berguna bagi penulis khususnya dalam bab ketiga.

*Partai Keadilan Sejahtera Ideologi dan Praktis Politik Kaum Muda Muslim Indonesia Kontemporari.*<sup>26</sup> Buku ini membahas tentang pertumbuhan dan perkembangan Partai Keadilan Sejahtera. Penulis mengatakan ramai orang yang menganggap PKS ialah parti yang pengaruhnya datang daripada gerakan Ikhwān al-Muslimūn di Mesir, dan secara tidak langsung ini adalah pengaruh berkembangnya pemikiran Hasan al-Banna di Indonesia. Walaupun penulis buku ini banyak menerangkan kaitan tentang PKS dengan Hasan al-Banna, namun kedua-duanya tidak ada ikatan secara struktural.

Sedangkan dalam membahas wacana politik Islam, penulis mendapatkan beberapa kajian yang berhubungkait dengan pembahasan tersebut, antaranya; *Islam dan Demokrasi Telaah Konseptual dan Historis.*<sup>27</sup> Buku ini mengupas tentang selok belok demokrasi dari masa penubuhannya pada zaman Yunani kuno dan sejarah perkembangan demokrasi hingga masa kini, dan proses penyebarannya ke berbagai pelosok dunia. Buku ini juga mengupas tentang pengertian demokrasi, keunggulan

---

<sup>26</sup> Aay Muhammad Furkan (2004), Jakarta: Teraju

<sup>27</sup> Syukron Kamil (2002), *Islam dan Demokrasi; Telaah Konseptual dan Historis* , Jakarta: Gaya Media Pratama.



demokrasi dan kritik demokrasi. Kemudian penulis buku ini menghubungkan konsep demokrasi dengan sistem kekhilafahan Islam. Adakah kesamaan konsep di antara kedua-duanya. Kemudian daripada pertanyaan tersebut, penulis buku ini memaparkan sikap ulama-ulama yang saling berbeza pandangan terhadap demokrasi sehingga terdapat tiga pandangan ulama dalam memberi respon terhadap isu demokrasi ini. Terdapat di antara mereka yang menolak, kemudian ada pula yang menerima prinsip-prinsipnya tetapi mengakui adanya perbezaan, dan kelompok yang terakhir menerima demokrasi dengan sepenuhnya. Di samping itu penulis buku ini melakukan perbandingan antara demokrasi yang ada pada masa Rasulullah saw dan para Khulafā al-Rāsyidīn dengan demokrasi moden. Kemudian ada poin-poin khusus yang dibahas dalam buku ini adalah mengenai kaum wanita dan kedudukannya dalam pemerintahan, serta pembahasan tentang hak-hak non muslim dalam komuniti muslim.

Buku ini sangat membantu penulis untuk mengetahui gambaran tentang sejarah demokrasi dan hubungannya dengan Islam, apalagi buku ini juga membahas mengenai poin-poin yang dikaji oleh penulis dalam tesis ini seperti membahas demokrasi dalam Islam dan kedudukan wanita dalam politik.

Hal yang membezakan antara buku ini dengan kajian tesis ini ialah buku ini menggunakan pendekatan analisisnya dengan metode *Ta'wīl* atau lebih dikenal dengan metode *hermeneutik* iaitu mencari makna asal yang terdapat atau tersembunyi di sebalik ungkapan atau perilaku dengan cara menggiatkan akal

kontemplatif dan imajinasi kreatif.<sup>28</sup> Sedangkan dalam tesis ini pengkaji menganalisis setiap persoalan dari sudut pandang *fiqh*.

*Wanita Sebagai Calon Pilihan Raya; Suatu Perbahasan dari sudut al-Siyāsah al-Syar'iyah.*<sup>29</sup> Secara khusus penulisan ini menyentuh penglibatan wanita Islam sebagai calon Pilihan Raya, serta apakah pandangan Islam jika mengikut kerangka teori *al-Siyāsah al-Syar'iyah*.

Menurut penulis buku ini, penglibatan wanita dalam politik sememangnya tidak boleh dipertikaikan. Perkara ini berlaku semenjak kelahiran Islam lagi, bahkan semenjak wujudnya manusia di muka bumi ini. Demikian pula pada saat ini, peranan wanita Islam dalam membangunkan negara bersama golongan laki-laki tidak dapat disanggah lagi.

Persoalan yang timbul adalah sejauh manakah wanita boleh melibatkan diri bersama-sama dengan golongan lelaki, khususnya dalam politik. Adakah mereka hanya boleh berperanan dalam batas-batas yang amat terhad sebagaimana dapat dilihat pada zaman awal Islam ataupun mereka dibolehkan bebas berperanan sebagaimana golongan lelaki dan tidak ada syarat khusus bagi mereka.

Penulis buku ini mengkaji pembahasannya dari sudut pandang *al-Siyāsah al-Syar'iyah* yang lebih melihat kepada *maṣlahah* dan situasi setempat, serta

---

<sup>28</sup> *ibid*, Lihat pada pendahuluan buku. Lihat pula buku Abd Hadi WM (2001), *Tasawuf yang Tertindas; Kajian Hermeneutik terhadap Karya-Karya Hamzah Fansuri*, Jakarta, Paramadina

<sup>29</sup> Zulkarnain Hassan dan Mohamad Zaidi Abdul Rahman (2008), *Wanita Sebagai Calon Pilihan Raya; suatu Perbahasan dari sudut Siyāsah Syar'iyah*, Kuala Lumpur, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd

perubahan zaman yang berbeza antara sebuah negara dengan negara yang lain. Sehingga konsep *al-Siyāsah al-Syar'iyah* boleh diaplikasikan sebagai metode penentuan hukum khususnya dalam isu penglibatan wanita sebagai calon dalam Pilihan Raya.

Keistimewaan buku ini adalah keseriusan penulis yang mencuba mendatangkan beberapa pandangan sarjana Islam dahulu dan sekarang hingga menghabiskan sekitar 158 rujukan. Di akhir pembahasannya penulis meletakkan garis pandu dan syarat-syarat terhadap penglibatan wanita sebagai calon dalam Pilihan Raya.

Buku ini sangat bermanfaat bagi penulisan tesis ini. Setidak-tidaknya pengkaji dapat membuat perbandingan pandangan antara penulis buku ini dengan fatwa al-Qaradāwī dan fatwa Dewan Syari'ah Pusat PKS, sehingga dapat memperkaya khazanah.

***Peran Politik Wanita dalam Sejarah Islam.***<sup>30</sup> Dalam buku ini penulis menyoroti peranan wanita sejak dari awal mula datangnya Islam, hingga peranan isteri nabi 'Aisyah dalam dunia politik pada masa khalīfah 'Alī bin Abī Ṭālib, dan kajian tentang peranan wanita dalam politik pada masa sekarang.

Penulis buku ini ialah seorang cendekiawan muslimah, beliau menggugat mengapa para penulis sejarah Islam seakan-akan melupakan peranan kaum wanita

---

<sup>30</sup> Asma' Muhamad Ziyadah (2001), *Peran Politik Wanita dalam Sejarah Islam*, Jabatan siyasah syar'iyah Fakulti Syari'ah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.

pada masa Rasulullah s.a.w, padahal peranan mereka tidak kalah pentingnya dengan golongan laki-laki.

Dalam buku ini juga menceritakan tentang peranan yang dilakukan oleh golongan wanita dalam perjuangan Islam pada masa awal datangnya Islam, antaranya adalah para wanita merasakan penyiksaan di kota Makkah, mereka juga turut berhijrah ke Habasyah dan Madinah. Mereka membantu penyediaan logistik dan ubat-ubatan untuk Nabi dan sahabat dalam berbagai peperangan, hingga terlibat langsung dalam medan peperangan.

Dari penuturan penulis dalam mengungkapkan bukti sejarah tentang peranan wanita itu menjadikan wacana baru bahawa sudah selayaknya golongan wanita mendapatkan posisinya secara profesional dalam berpolitik. Buku ini menggunakan analisisnya dari sudut sejarah dan dikuatkan dengan dalil-dalil dari hadits yang sengaja *ditakhrīj* oleh penulis sendiri. Sedangkan tesis ini cuba untuk menganalisisnya dari sudut fiqh mengikut pada pemikiran al-Qaradāwī.

## **1.8 Metodologi Kajian**

Kajian ini keseluruhannya ialah kajian kualitatif (*qualitative research*) yang menggabungkan antara penyelidikan perpustakaan dan lapangan. Penyelidikan perpustakaan (*library research*) ini bertujuan untuk mengkaji dan mengumpulkan tulisan-tulisan dan data-data yang berkaitan erat dengan fokus penelitian. Penyelidikan perpustakaan ini menuntut kepada penilaian tentang fatwa politik al-Qaradāwī dan fatwa politik Dewan Syari'ah Pusat PKS.

Selain itu, kajian ini juga menggabungkan dengan penyelidikan lapangan iaitu dengan cara mengadakan temubual dengan kalangan ahli DSP PKS dan memberikan soalan interview berkaitan dengan pengaruh fatwa al-Qaradāwī dengan fatwa politik DSP PKS. Temubual bertujuan untuk menguatkan data-data yang telah penulis peroleh daripada penyelidikan perpustakaan.

### **1.8.1 Metode Pengumpulan Data**

Metode ini menggunakan dua teknik, iaitu:

1. Kajian perpustakaan (*library Research*)
2. Temubual (*interview*)

#### *Kajian Perpustakaan (library Research)*

Metode ini bukan saja bermaksud untuk menghimpun data yang tersebar di berbagai buku, majalah, surat khabar, kertas kerja, manuskrip, monografi, laman-laman web, dan seumpamanya, akan tetapi juga dimaksudkan untuk mencari data-data yang sah dari sumber perpustakaan yang berwibawa dan diakui serta boleh dipertanggung-jawabkan secara ilmiah dan akademik. Keseluruhan data yang diperolehi dari perpustakaan akan dihubungkan dengan objektif penyelidikan tesis ini.<sup>31</sup>

---

<sup>31</sup>Andrian D. De grood (1960), *Methodology foundation of Influence and research in The Behavior sciences*. Belgium: Mounton& Co, h. 64.

Dalam metode ini, penulis memanfaatkan perpustakaan-perpustakaan yang terdapat di pelbagai tempat, samaada perpustakaan pribadi mahupun awam, seperti perpustakaan nasional dan perpustakaan universiti. Daripada berbagai macam perpustakaan tersebut, penulis akan mencari data-data dan dokumen-dokumen khususnya yang berkaitan dengan al-Qaraḍāwī dan juga DSP PKS. Sehingga segala data dan dokumen yang terkumpul akan digabungkan oleh penulis dan menjadi sebuah laporan ilmiah yang diperlukan pada penulisan tesis ini, terutamanya pada penulisan dalam bab kedua dan bab ketiga.

Daripada pelbagai perpustakaan di atas, penulis akan mencari data-data profil Yūsuf al-Qaraḍāwī dan manhaj fatwa politiknya. Buku utama yang digunakan seperti: Buku-buku yang beliau tulis "*Ibn al Qaryah wa al- Kuttāb malāmih sīrah wa masīrah*" 2006. "*Fatwa Baina al-Indībāt wa al-Tasayyub*" 2003. *Hady al-Islām fī Fatāwi al-Mu'āṣirah* 2000. *al-Qaraḍāwī Faqīhan* yang ditulis Iṣām Talīmah 2001.

Penulis mencari data-data yang berhubungkait dengan PKS dan juga fatwa-fatwa DSP, antara buku utamanya adalah: Buku-buku yang dikeluarkan oleh Partai Keadilan Sejahtera seperti; "*Sekilas Partai Keadilan*", "*Kebijakan Dasar Partai Keadilan*". Buku-buku yang dikeluarkan oleh Dewan Syari'ah Pusat PKS seperti; "*Fatwa-fatwa Dewan Syariah Partai Keadilan Sejahtera*" 2005, *Fatwa, Bayan dan Tazkirah DSP 2005-2010* dan "*Fatwa Jihad Siyasi*". Di samping itu buku "*Fenomena Partai Keadilan*" yang ditulis oleh Ali Said Damanik 2002, dan juga sebuah tesis "*Pengaruh dan Pelaksanaan Pemikiran Politik Islam al-Ikhwān al-Muslimūn terhadap Partai Keadilan Sejahtera PKS Propinsi Riau Indonesia*" yang ditulis oleh Safian Azhari 2006.

Adapun yang berkaitan dengan fiqh dan fatwa di antara buku utamanya adalah: "*al-Mausū'ah al Fiqhiyyah*" yang disusun oleh Wazārah al-Awqāf Kuwait 1995. "*Uṣūl al-Fiqh*" yang ditulis oleh Muhammad Abu Zahrah 1958. "*A'lām al Muwaqqi'in*" yang ditulis oleh Ibn Qayyim. "*Al- Fatāwa fi al-Islām*" yang ditulis oleh Jamāl al-Dīn al-Qāsimi.

#### *Metode Temubual (interview).*

Metode ini bertujuan mendapatkan informasi yang sah daripada pegawai yang memegang jawatan penting, dan kakitangan Dewan Syari'ah Pusat PKS, sehingga mendapatkan suatu kebenaran dan justifikasi terhadap fakta dan data yang telah terhimpun dari perpustakaan.

Metode ini menggunakan temubual lisan mahupun tulisan, dengan berbagai macam cara seperti temu janji atau melalui telepon. Penulis telah membuat temu bual dengan lima orang pengerusi DSP. Lima orang yang berhasil penulis temui adalah;

1. Dr. KH. Surahman Hidayat, MA. Beliau salah satu ulama yang mengasas berdirinya DSP dalam tubuh parti sejak ditubuhkan tahun 1998 sehingga sekarang. Beliau diangkat sebagai ketua DSP pada tahun 2005 sehingga sekarang, peranan beliau dalam DSP sangat besar, terutama dalam menentukan fatwa.

2. Dr. KH. Muslih Abdul Karim, MA. Beliau adalah pengerusi pada *Lajnah Ifta* DSP sejak berdiri sehingga 2005, kemudian sejak tahun 2005 hingga sekarang beliau menjawat sebagai ketua *Lajnah Qadā* dan beliau sangat berperanan dalam menentukan fatwa DSP antara tahun 1998 hingga 2005 yang mana fatwa-fatwa

tersebut menjadi bahan analisis tesis ini.

3. H. Imam Santoso, Lc. Beliau adalah setiausaha DSP sejak ditubuhkan sehingga 2005, setelah itu beliau menjawat sebagai *Amin Lajnah Buḥuts*, seperti tugas beliau di atas, beliau selalu menyertai setiap sidang yang diadakan DSP dalam memutuskan hukum setiap perkara.

4. KH. Bakrun Syafi'i, MA. Beliau menjawat sebagai *Amin Lajnah Taḍrīb* dan merupakan ahli pengerusi DSP sejak ditubuhkan sehingga sekarang.

5. KH. Aunurrofiq Saleh Tamhid, Lc. Beliau adalah ahli pada *Lajnah Taḥqīq* sejak ditubuhkan DSP sehingga tahun 2010, dan sekarang beliau menjadi staf ahli DSP.

Penulis menanyakan soalan-soalan yang sifatnya menjurus kepada objektif kajian dan skop kajian, antaranya berkisar tentang:

- Metode fatwa yang digunakan DSP dalam mengeluarkan fatwa politik. Apakah mengambil daripada metode fatwa al-Qaraḍāwī?
- Adakah fatwa-fatwa politik DSP yang secara langsung diambil dari fatwa politik al-Qaraḍāwī?
- Adakah persamaan metode berfatwa antara DSP dan al-Qaraḍāwī?
- Apakah yang mendorong DSP terpengaruh dengan fatwa dan pemikiran politik al-Qaraḍāwī?

Metode ini sangat membantu penulis untuk menguatkan penemuan kajian terutamanya pada pembahasan dalam bab keempat.



## 1.8.2 Metode Analisis Data

### Metode Induktif

Induktif adalah pengambilan daripada fakta-fakta umum kepada kesimpulan khusus. Metode ini penulis gunakan pada pembahasan dalam bab keempat di mana penulis menilai bahawa DSP PKS dalam mengeluarkan fatwa berkaitan politik mempunyai metode yang serupa dengan pendekatan fatwa politik al-Qaraḍāwī. Pada sudut lain, kandungan fatwa politik DSP PKS dengan fatwa politik al-Qaraḍāwī juga memiliki kesamaan. Sehingga penulis menyimpulkan bahawa fatwa politik DSP PKS terpengaruh oleh fatwa politik al-Qaraḍāwī.

### Metode Deduktif

Deduktif adalah pengambilan dari fakta-fakta khusus kepada kesimpulan umum. Metode ini digunakan oleh penulis terutama dalam menjelaskan faktor keterpengaruhan fatwa al-Qaraḍāwī terhadap fatwa berkaitan politik DSP PKS. Penulis menyimpulkan bahawa pengaruh fatwa al-Qaraḍāwī terhadap fatwa politik DSP PKS disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah kedua-duanya terpengaruh oleh gerakan Ikhwān al-Muslimūn, masalah politik umat Islam terjadi dimerata-rata negara Islam, manhaj *waṣaṭiyyah* yang dibawa oleh al-Qaraḍāwī lebih diterima oleh masyarakat Indonesia, model *fiqh al-Muqāranah* al-Qaraḍāwī sesuai untuk membahas isu politik, dan faktor yang terakhir adalah buku al-Qaraḍāwī telah banyak diterjemahkan di Nusantara. Semua ini akan dibahas oleh penulis terutama dalam pembahasan bab keempat.

Kedua-dua metode ini bertujuan untuk membawa kepada kesimpulan yang objektif, adil dan jujur, dengan menjunjung tinggi amanat ilmiah penulisan sebuah tesis.

### **1.8.3 Pendekatan Kajian**

Kajian ini menggunakan tiga pendekatan, iaitu pendekatan sejarah, pendekatan pemikiran, dan pendekatan deskriptif.

Pertama, pendekatan sejarah, ialah pendekatan yang digunakan untuk memahami pelbagai realiti atau peristiwa pada masa lalu dengan memerhatikan unsur tempat, waktu, objek, latar belakang, dan pelaku peristiwa<sup>32</sup>. Pendekatan ini akan penulis gunakan terutama dalam mengumpulkan data-data sejarah untuk bab kedua dan bab ketiga. Dalam pendekatan ini penulis akan menganalisis latar belakang al-Qaraḍāwī dari latar belakang keluarga, pendidikan, aktiviti dakwah dan pendidikan sampai menjadi seorang ulama yang disegani saat ini. Penulis turut menceritakan keterlibatan beliau dengan gerakan Ikhwān al-Muslimūn di Mesir dan kekaguman beliau terhadap *fikrah* yang dibawa oleh pengasasnya iaitu Hasan al-Banna terutama dalam aspek dakwah dan fiqh. Kemudian penulis menganalisis tentang Partai Keadilan Sejahtera PKS di Indonesia. Sebuah parti Islam yang ditubuhkan pada tahun 1998 pada masa reformasi Indonesia. Penulis juga menganalisis latar belakang penubuhan PKS, para pengasasnya, para penyokongnya, dan juga pengaruh *fikrah* gerakan Ikhwān al-Muslimūn yang banyak diadaptasi oleh parti ini, seperti konsep *Syumūliyyah al-Islām*. Pengaruh pemikiran tersebut

---

<sup>32</sup> Abuddin Nata (2000), *Metodologi Studi Islam*, Jakarta: Raja Grafindo Persada, h. 46

sememangnya telah wujud sebelum PKS ditubuhkan. Di mana para aktivis PKS ini sebelumnya adalah para penggiat dakwah tarbiyah yang aktiviti banyak terinspirasi oleh gerakan dakwah Ikhwān al-Muslimūn. Dari pendekatan sejarah ini penulis akan mencari hubungan antara al-Qaraḍāwī dan PKS berdasarkan fakta dan data yang telah penulis kumpulkan.

Kedua, pendekatan pemikiran. Dalam pendekatan ini, penulis akan menganalisis pemikiran al-Qaraḍāwī dan DSP PKS terutama yang berkaitan dengan fatwa politik. Penulis mencuba mengenal pasti pemikiran al-Qaraḍāwī dan DSP PKS terhadap fatwa politik. Setelah penulis mengumpulkan data-data tentang pemikiran dan fatwa berkaitan politik al-Qaraḍāwī dan DSP PKS, selanjutnya penulis akan menganalisis adakah kedua-duanya memiliki hubungan satu sama lain, dan jika ada keterpengaruhan, apa faktor penyebab keterpengaruhan tersebut. Pendekatan pemikiran ini membantu penulis dalam menganalisis pengaruh fatwa al-Qaraḍāwī terhadap fatwa berkaitan politik DSP PKS yang akan dibahas oleh penulis pada bab keempat.

Ketiga, pendekatan *Deskriptif*, pendekatan ini digunakan untuk menganalisis terhadap segala fakta dan data yang terhimpun untuk mengetahui keadaan yang sebenar. Analisa yang dilakukan boleh mengenai kondisi atau hubungan yang ada, pendapat yang sedang berkembang, proses yang sedang berlangsung, akibat atau impak yang terjadi, atau kecenderungan yang sedang berkembang.<sup>33</sup> Kaedah ini hanya tertumpu sepenuhnya kepada fakta dan data yang terhimpun, secara analisa dasar tanpa menambah atau mengurangi, sehingga dapat menjaga objektif sebenar

---

<sup>33</sup> Jhon W. Best (1987), *Metodologi Penelitian Pendidikan*, Surabaya: Usaha Nasional, h. 63

penulisan tesis.